

Borang Cadangan PerlindunganKu Allianz4All

Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Syarikat"/"Kami") adalah berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia ('BNM').

Kontrak Insurans Pengguna

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon insurans ini **sepenuhnya bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui ada berkaitan dengan keputusan Syarikat menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Menurut Perenggan 4 (1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda **memohon insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa Kontrak Insurans tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui.

Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada Kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak Kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

Anda harus memastikan bahawa Borang Cadangan ini diisi dengan tepat kerana borang ini membentuk asas kontrak insurans dan akan menjadi sebahagian daripada polisi insurans dengan Syarikat. Klausula asas kontrak ini adalah tidak terpakai jika anda adalah individu yang memohon insurans ini bagi maksud yang sama sekali tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda.

Pencadang dinasihatkan untuk membaca polisi dengan teliti dan memahami kandungannya. Anda digalakkan untuk mendapat penjelasan daripada Kami jika perlu. Liabiliti Syarikat hanya akan bermula setelah pihak Syarikat memberitahu bahawa Borang Cadangan telah diterima oleh Syarikat ataupun polisi telah dikeluarkan.

Jangka masa yang biasa diperlukan untuk menerbitkan polisi insurans adalah seperti yang dinyatakan dalam Piagam Perkhidmatan Pelanggan Syarikat boleh didapati di laman web Syarikat di allianz.com.my.

Sila simpan resit rasmi sebagai bukti pembayaran.

Segala penerbitan polisi, hak atau tuntutan yang diserahkan yang timbul dari kontrak insurans yang dikeluarkan akan tertakluk kepada syarat-syarat Sekatan Ekonomi, Pembiayaan Keganasan, Pembiayaan Pencambahan dan Rejim-rejim Sekatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa ("PBB") yang lain.

Tempoh Insurans:

Kod Ejen:

Dari - - Hingga -

-

Sila lengkapkan dengan HURUF BESAR/Tandakan ☒ di kotak yang sesuai.

BAHAGIAN 1 - MAKLUMAT PENCADANG

Gelaran	☐ Tuan ☐ Puan ☐ Cik ☐ Lain-lain (sila nyatakan)
Nama	
Alamat	
Poskod	Bandar
Negeri	Negara
No. Telefon Bimbit	- No. Telefon
e-mel	
Jenis ID	Kod: [01] Kad Pengenalan Baru [02] Kad Pengenalan Lama/Lain-lain [03] Pasport [04] Polis/Tentera [05] No. Pendaftaran Syarikat
No. ID	
Tarikh Lahir	- -
Warganegara	☐ Malaysia ☐ Lain-lain (sila nyatakan)

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena, Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542 Emel: customer.service@allianz.com.my

  AllianzMalaysia  allianz.com.my



PBPF041401

BAHAGIAN 2 – KATEGORI KEBAJIKAN

☐	Tiada Keutamaan
☐	Pendidikan: Mempertingkatkan Akses Kepada Pendidikan
☐	Orang Kurang Upaya: Meningkatkan Kemasukan Sosial Dan Peluang Sosioekonomi
☐	Bantuan: Bantuan Ad-Hoc Untuk Kesihatan Awam, Bencana Alam, atau Kecemasan

Nota: 1. Anda boleh pilih satu (1) kategori kebajikan sahaja. Jika tiada pilihan dibuat, kami menganggap anda telah memilih Tiada Keutamaan.

BAHAGIAN 3 - PELAN DAN BUTIRAN PREMIUM

Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Jumlah Premium (RM)
PerlindunganKu Allianz4All	RM 50 ☐	RM 75 ☐	

- Nota: 1. Premium adalah termasuk Komisyen Pengantara 10%.
 2. Premium tidak termasuk 6% Cukai Perkhidmatan. Premium yang perlu dibayar termasuk Cukai Perkhidmatan adalah RM53.00 bagi Pelan 1 dan RM79.50 bagi Pelan 2.
 3. Duti Setem dikecualikan sehingga 31/12/2025. Selepas itu, duti setem RM10 perlu dibayar bermula 01/01/2026.

BAHAGIAN 4 - KAEDAH PEMBAYARAN

Saya sertakan wang tunai/cek RM _____dibayar kepada Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad.

No. Cek:

PEMBAYARAN KAD KREDIT/DEBIT

Jenis Kad ☐ Kad Kredit ☐ Kad Debit
 Kad Kredit/Debit ☐ Master Card ☐ Visa

KEBENARAN DEBIT LANGSUNG

Pemegang Kad dengan ini memohon dan memberi kebenaran kepada Syarikat untuk mendebit premium dan amaun yang harus dibayar sebagai Cukai Perkhidmatan ke akaun Kad Kredit/Debit untuk pelan insurans yang dipohon di sini.

Nama Pemegang Kad		Jumlah Premium (RM):
		Jumlah Yang Perlu Dibayar (RM):
No. Akaun Pemegang Kad	- - -	Tarikh Luput: /
Bank Pengeluar		
Hubungan dengan Pencadang	Kod: [01] Sendiri [02] Suami/isteri [03] Ibu bapa [04] Anak-anak	

- Nota: 1. Bayaran premium melalui Kad Kredit/Debit dibenarkan sekiranya Pemegang Kad membayar polisinya sendiri atau polisi ahli keluarga iaitu suami/isteri, ibu bapa atau anaknya.
 2. Syarikat berhak untuk membatalkan polisi atau pembaharuan secara serta merta jika hubungan Pencadang dengan Pemegang Kad didapati tidak benar.

BAHAGIAN 5 - TERMA DAN SYARAT PEMBAYARAN UNTUK KAD KREDIT/DEBIT

1. Pemegang Kad dengan ini memberi kuasa kepada Syarikat untuk mengenakan caj Kad Kredit/Debit untuk pembayaran premium insurans bagi polisi ini seperti yang dinyatakan di atas untuk faedah Pencadang dan/atau Orang Yang Diinsuranskan.
2. Pencadang dan Pemegang Kad memahami bahawa polisi ini akan berkuatkuasa selepas berjaya mendapatkan: (1) kelulusan daripada syarikat kad kredit/debit yang berkenaan untuk arahan debit langsung berdasarkan butir-butir yang berkaitan di sini; dan (2) kelulusan pengunderaitan dari Syarikat berdasarkan Borang Cadangan dan/atau permintaan pembaharuan.
3. Pencadang dan Pemegang Kad memahami bahawa polisi ini atau pembaharuan tidak akan berkuatkuasa jika permohonan kebenaran debit langsung telah ditolak oleh syarikat kad kredit/debit.
4. Pencadang dan Pemegang Kad bersetuju dan mengakui bahawa Syarikat dan/atau pembekal perkhidmatan boleh mengumpul, menggunakan dan memproses maklumat peribadi (sama ada diperolehi dalam borang ini atau mana-mana cara lain) dan memberikan maklumat tersebut selaras dengan Kenyataan Privasi Syarikat (Notis kepada Pelanggan Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad pada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010) yang boleh didapati di laman web Syarikat di allianz.com.my.
5. Pencadang dan Pemegang Kad mengisytiharkan bahawa pada masa permohonan, Pencadang dan Pemegang Kad tidak pernah disabitkan dan tidak melakukan atau terlibat dalam sebarang kesalahan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ("AMLATFPUAA") dan seksyen 130N, 130O, 130P atau 130Q Kanun Keseksaan.
6. Pencadang dan Pemegang Kad selanjutnya bersetuju dan menerima bahawa jika Syarikat mendapati maklumat yang diberi di sini tidak benar, Syarikat berhak untuk membatalkan polisi ini atau pembaharuan dan menggantung sebarang tuntutan di bawah polisi ini.
7. Pencadang dan Pemegang Kad dengan ini mengesahkan bahawa maklumat di atas dalam arahan tetap ini adalah betul dan benar. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan atau pembatalan pada arahan diatas, Pencadang dan Pemegang Kad akan memberitahu Syarikat berkenaan perubahan atau pembatalan ini secara bertulis ataupun Pencadang dan Pemegang Kad akan memberi suatu arahan tetap yang baru. Pencadang dan Pemegang Kad mengakui bahawa segala Terma dan Syarat pembayaran secara Kad Kredit/Debit dipersetujui dan salinan Terma dan Syarat akan disediakan atas permintaan.

Tandatangan Pencadang	Tandatangan Pemegang Kad
Nama *Jenis ID No. ID Tarikh H H - B B - T T T T	Nama *Jenis ID No. ID Tarikh H H - B B - T T T T

- Nota:
1. *Kod: [01] Kad Pengenalan Baru [02] Kad Pengenalan Lama/Lain-lain [03] Pasport [04] Polis/Tentera
 2. Jika Orang Yang Diinsuranskan adalah kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun, borang ini hendaklah ditandatangani oleh ibu bapa/penjaga. Sila nyatakan Nama, Jenis ID dan No. ID Ibu Bapa/Penjaga.
 3. Jika Pemegang Kad adalah Pencadang, sila tandatangani pada bahagian Pemegang Kad sahaja.

BAHAGIAN 6 - PENYERAHAN OLEH PERANTARA

Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat di atas diberikan oleh Pencadang dan/atau Pemegang Kad dan saya telah menyaksikan tandatangan Pencadang dan/atau Pemegang Kad.

Perantara

No Telefon Bimbit

 -

Nama

No. Telefon

 -

Kod Perantara

Tarikh

HH

 -

BB

 -

TTTT

BAHAGIAN 7 - BUTIRAN BANK (PILIHAN)

Jenis Akaun	Simpanan Semasa Lain-lain (sila nyatakan)
Nama Pemegang Akaun	
No. Akaun	
Nama Bank	
Alamat Bank	
Poskod	Bandar
Negeri	
Negara	
ID Dikemukakan sewaktu membuka akaun untuk pengesahan	
Jenis ID	Kod: [01] Kad Pengenalan Baru [02] Kad Pengenalan Lama/Lain-lain [03] Pasport [04] Polis/Tentera
No. ID	

Nota: 1. Untuk pembayaran balik premium/pembayaran tuntutan (jika berkenaan).

BAHAGIAN 8 - PENAMAAN UNTUK KEMALANGAN DIRI

Dengan ini saya menamakan orang yang berikut sebagai nama penerima-penerima bagi polisi insurans di atas dan membatalkan semua nama penerima yang sedia ada (jika ada) yang dinamakan sebelum ini (jika tiada pemegang amanah telah dinamakan).

Nama Pencadang	Nama Penama	*Jenis ID	Warganegara	Hubungan	Pembahagian (%)

Sila lampirkan kertas berasingan jika ruang tidak mencukupi.

Selaras dengan Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ('FSA 2013'):

Pencadang yang telah mencapai umur enam belas (16) tahun boleh menamakan sesiapa sahaja untuk menerima wang polisi yang akan dibayar di bawah polisi kemalangan diri tersebut atas kematiannya. Dengan ini dinasihatkan untuk melantik sekurang-kurangnya seorang (1) penama dan pastikan penama tersebut dimaklumkan akan lantikan tersebut bagi memudahkan pembayaran wang polisi yang akan dibayar atas kematian Orang Yang Diinsuranskan. Kegagalan untuk membuat penamaan boleh melambatkan pembayaran wang polisi tersebut. Jika anda seorang Pencadang bukan Islam, apabila anda melantik suami atau isteri, anak atau ibu bapa (jika anda tidak mempunyai suami atau isteri, atau anak yang masih hidup pada tarikh penamaan itu dibuat) sebagai penama, penamaan tersebut akan mewujudkan suatu amanah terhadap wang polisi yang akan dibayar. Anda dinasihatkan untuk melantik seorang pemegang amanah bagi wang polisi tersebut dan sekiranya gagal berbuat demikian, penama yang kompeten itu akan bertindak sebagai pemegang amanah. Bagi polisi yang telah mewujudkan amanah di bawahnya, maka kebenaran bertulis daripada pemegang amanah adalah diperlukan sebelum anda membuat pindaan ke atas penamaan, manfaat, membatalkan atau serah hak polisi. Mana-mana penama selain daripada suami atau isteri, anak atau ibu bapa (jika tidak mempunyai suami atau isteri, atau anak yang masih hidup pada tarikh penamaan) bagi Pencadang yang bukan Islam, penama sedemikian akan menerima wang polisi dan bertindak sebagai wasi. Sekiranya Pencadang ingin penama tersebut menerima wang polisi sebagai benefisiari dan bukan sebagai wasi, maka Pencadang mesti serah hak manfaat polisi kepada penama itu.

Tandatangan Saksi		Tandatangan Pencadang	
Nama		Nama	
*Jenis ID		*Jenis ID	
No. ID		No. ID	
No. Telefon	-	No. Telefon	-
Tarikh	-	Tarikh	-

- Nota: 1. *Kod: [01] Kad Pengenalan Baru [02] Kad Pengenalan Lama/Lain-lain [03] Pasport [04] Polis/Tentera
 2. Saksi hendaklah berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas, waras dan bukan penama.

BAHAGIAN 9 - PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI DAN PRIVASI DATA

Perlindungan terhadap privasi anda adalah sangat penting bagi Syarikat. Sila lawati laman web Syarikat di allianz.com.my untuk melihat NOTIS KEPADA PELANGGAN-PELANGGAN ALLIANZ GENERAL INSURANCE COMPANY (MALAYSIA) BERHAD BERKENAAN DENGAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("Kenyataan Privasi").

Penzahiran dan Kebenaran

Maklumat peribadi yang diberikan pada polisi ini digunakan oleh Syarikat, pembekal perkhidmatan dan agennya untuk membolehkan Syarikat memberikan perlindungan insurans mengikut Kenyataan Privasi Syarikat. Salinan boleh dimuat turun dari laman web Syarikat di allianz.com.my. Dengan menandatangani Borang Cadangan ini, Pencadang dan Pemegang Kad dan/atau Orang Yang Diinsuranskan memberi kebenaran untuk menggunakan maklumat peribadi anda untuk tujuan yang dinyatakan dalam Kenyataan Privasi Syarikat.

BAHAGIAN 10 - PENGISYTIHARAN

Saya/Kami dengan ini mengisytiharkan dan memberi jaminan bahawa jawapan/maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan betul dan saya/kami tidak menyembunyikan sebarang maklumat yang mungkin mempengaruhi penerimaan cadangan ini dan saya/kami bersetuju bahawa cadangan dan pengakuan ini akan menjadi asas kontrak di antara Syarikat dan diri saya/kami sendiri dan saya/kami juga bersetuju bahawa liabiliti Syarikat tidak akan berkuat kuasa sehingga permohonan ini telah diberitahu dan diterima oleh Syarikat.

Untuk Pelanggan Individu

Tandatangan Pencadang		Tandatangan Saksi	
Nama		Nama	
Jenis ID	Kod: [01] Kad Pengenalan Baru [02] Kad Pengenalan Lama/Lain-lain [03] Pasport [04] Polis/Tentera	Jenis ID	Kod: [01] Kad Pengenalan Baru [02] Kad Pengenalan Lama/Lain-lain [03] Pasport [04] Polis/Tentera
No. ID		No. ID	
Tarikh	- -	Tarikh	- -

Nota: 1. Jika Orang Yang Diinsuranskan adalah kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun, cadangan ini hendaklah ditandatangani oleh ibu bapa/penjaga. Sila nyatakan Nama, Jenis ID dan No. ID Ibu Bapa/Penjaga.

Untuk Pelanggan Syarikat

Disaksikan Oleh:	Untuk dan Bagi Pihak Majikan	Cap Majikan
Tandatangan		
Nama		
Jawatan		
Tarikh	- -	